

Kecerdasan emosi pacu kebolehpasaran mahasiswa

**Dahlan Ismail
Abu Bakar,**

Timbalan Pengarah
Pusat Kokurikulum
dan Pembangunan
Pelajar, Universiti
Putra Malaysia)

Di Malaysia, isu kebolehpasaran graduan sering dikaitkan dengan kegagalan menguasai kemahiran komunikasi dan kelemahan menguruskan konflik di tempat kerja sehingga memerlukan tahap kecerdasan emosi (EQ) tinggi.

Realiti di pasaran kerja hari ini membuktikan kecemerlangan akademik semata-mata tidak lagi menjamin tempat untuk bersaing dalam pasaran pekerjaan kompetitif.

Tumpuannya adalah kepada pembangunan kemahiran insaniah, khususnya EQ dan kerja berpasukan dibina secara organik daripada mahasiswa kepada mahasiswa.

Peralihan paradigma ini sangat penting memandangkan mahasiswa aset dinamik bakal mencorakkan landskap kepemimpinan, ekonomi dan keharmonian sosial negara pada masa hadapan.

EQ dalam konteks kampus bukan sekadar kemampuan berbudi bahasa, tetapi kecekapan memahami tekanan rakan sebaya semakin kompleks.

Mahasiswa memiliki EQ tinggi mampu bertindak sebagai sistem sokongan moral efektif, sekaligus mengurangkan risiko kesihatan mental dalam kalangan mereka.

Berdasarkan kajian terbaharu mengenai kesejahteraan mental belia, sokongan rakan sebaya didapati lebih berkesan dalam menangani isu stres berbanding pendekatan klinikal bersifat formal dan kaku.

Hal ini kerana mahasiswa berkongsi bahasa dan pengalaman hidup sama, membolehkan empati disalurkan tanpa tembok birokrasi membatasi komunikasi antara mereka.

Selain itu, kemahiran membiasakan diri yang diasah dalam persekitaran kampus yang rencam membolehkan mahasiswa menyesuaikan diri dengan pelbagai ragam manusia daripada latar belakang sosioekonomi berbeza.

Keupayaan untuk bertoleransi dan bekerjasama dalam pasukan adalah nadi memastikan setiap projek atau tugas berkumpulan dapat diselesaikan dengan harmoni dan berkesan.

Menurut Laporan Impak AI & Ekonomi Hijau TalentCorp (2025), kebolehpasaran mahasiswa Malaysia diimbangi keperluan terhadap kemahiran sosial dan emosi bagi mendepani automasi industri.

Kajian itu mengesahkan kebolehan berinteraksi secara efektif dalam pasukan juga penting, selain penguasaan subjek teknikal khusus dalam proses pengambilan pekerja baharu syarikat besar.

Aktiviti persatuan dan program khidmat masyarakat bukan sekadar kegiatan sampingan membuang masa atau sekadar syarat bergraduasi, sebaliknya 'makmal sosial' mahasiswa belajar memimpin melalui pengaruh, bukannya kuasa, selain mengasah ketajaman berfikir secara kritis ketika berhadapan masalah.

Melalui program 'mahasiswa kepada mahasiswa', mereka belajar untuk tidak mementingkan diri sendiri dan memahami kejayaan kolektif lebih bermakna daripada kejayaan individu.

Nilai murni ini apabila dibawa ke alam pekerjaan akan mewujudkan persekitaran kerja lebih sihat, produktif dan jauh daripada budaya toksik.

Justeru, pemerkasaan sahsiah berteraskan prinsip 'daripada mahasiswa kepada mahasiswa' adalah penting untuk membantu meningkatkan EQ golongan ini dengan lebih realistik dan berkesan.

Setiap mahasiswa harus digalakkan menjadi mentor kepada rakan lain, membina jaringan sokongan kukuh serta memupuk budaya kerja berpasukan inklusif.

EQ dan kerja berpasukan adalah dua tiang utama menyokong pembinaan karakter mahasiswa bertanggungjawab dan profesional.